

# PM: PBB harus paksa Israel henti keganasan

UM 2 APR 2002


**K**UALA LUMPUR 1 April. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) harus mewakili dunia bagi memaksa Israel menghentikan tindakan ganas terhadap Palestin.

Perdana Menteri berkata, jika dunia berhasrat untuk menghapuskan keganasan secara serius, kedua-dua pihak yang bertelagah di Palestin harus dihentikan daripada melakukan pembunuhan.

"Jika Israel tidak mahu (menghentikan keganasan yang dilakukannya), maka dunia harus memaksa mereka berbuat demikian.

"Sekiranya kita serius untuk menghentikan keganasan maka kita harus menghentikan kedua-dua pihak iaitu Palestin dan Israel daripada saling berbunuh-bunuhan," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pada Sesi Khas



Laporan  
**ASTORA JABAT  
MARHAINI KAMARUDDIN  
AZLINARIAH ABDULLAH  
dan ASUKI ABAS**

Menteri-Menteri Luar Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (ICFM) Menegenal Keganasan di Hotel Palace of Golden Horses di sini hari ini.

Menurut Dr. Mahathir, ketidakadilan terhadap umat Islam terutamanya di Palestin harus ditangani segera kerana penderitaan mereka adalah benar dan sukar ditanggung lagi.

Beliau memberi contoh, bu-

kan sahaja tanah orang-orang Palestin dirampas sejak lima dekad lalu, mereka juga turut dihalau dari tanah sendiri oleh rejim Israel.

"Orang Palestin ini ditekan serta dimalukan dan kerana mereka melontar batu kepada orang Israel mereka ditembak dan dibunuh, termasuk kanak-kanak.

"Bagi orang Israel ia bukanlah hutang darah dibayar darah, tetapi hutang nyawa jika mereka terkena batu," katanya.

Menurut Perdana Menteri, dunia menyaksikan lebih 100,000 Muslim di Bosnia-Herzegovina disembelih tetapi tidak ada tindakan dibuat untuk menghentikannya sebaliknya umat Islam di negara itu dihalang dari mendapatkan senjata untuk mempertahankan diri.

Berikutan itu, menurut beliau, orang Islam merasa sedih dan marah tetapi kerana sebahagian besar daripada

negara Islam tidak mampu berbuat apa-apa, maka sege-lintir golongan berpendapat mereka perlu bertindak sendiri.

"Mereka ini mungkin salah kerana mempercayai mereka berjihad tetapi tidak dapat dinafikan mereka sanggup melakukan pelbagai tindakan ganas walau hilang nyawa sekalipun kerana marah.

"Dunia harus menangani mereka ini bukan sahaja dengan memburu mereka tetapi menyelesaikan semua perkara yang menyebabkan kemarahan mereka," ujar Perdana Menteri.

Dr. Mahathir berkata, Malaysia berjaya menamatkan kegiatan pengganas komunis suatu masa dulu dengan menghapuskan punca yang menjadikan mereka bertindak ganas.

"Kerajaan mendapati sebahagian besar daripada pengganas ini merupakan kaum Cina yang terasa diasingkan

kerana tidak diberikan status kerakyatan oleh pihak British.

"Dengan itu kerajaan telah memberikan lebih sejuta status kerakyatan kepada orang-

orang Cina, melindungi mereka, memberikan mereka tanah, memberi peluang untuk berniaga dan memberikan mereka peluang untuk mengambil bahagian dalam pembangunan negara" katanya

Tindakan seperti itu, katanya, merupakan apa yang dinamakan sebagai memenangi hati rakyat dan ia amat berkesan untuk menghentikan keganasan.